




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 189 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 35,166 kes. Satu (1) kes kematian dicatatkan di Daerah Kota Kinabalu. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 286 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 32,883 orang. Sejumlah 1,679 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 608 orang di hospital dan 1,071 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 57 orang dan 13 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat bertukar dari zon merah ke zon jingga. Manakala Daerah Tenom berubah dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Terdapat satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Tenom iaitu Kluster Saga Tengah sebanyak lima (5) kes menjadikan jumlah kumulatif 16 kes. Kluster ini dikesan berkaitan dengan majlis keramaian.
- 5 Daripada 189 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 111 kes (58.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 26 kes (13.8%), saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada 21 kes (11.1%), saringan komuniti 1 kes (0.5%) dan 30 kes (15.9%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 966 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,428 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,394 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 26.26%.

## **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **302,883** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

## **C. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 5 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 224 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

**D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Lahad Datu	97%
15	Tuaran	97%
16	Keningau	97%
17	Tenom	97%
18	Tawau	97%
19	Ranau	96%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan ketika mengunjungi tempat tumpuan awam seperti pasar raya dan pasar awam bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

## **E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis di empat (4) Daerah iaitu Kinabatangan, Semporna, Keningau dan Kota Kinabalu.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 70 lokasi di 12 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Dusun.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
23 Disember 2020**